

DR. M BERTERIMA KASIH KEPADA PAK LAH

BEKAS Perdana Menteri yang juga bekas Presiden UMNO, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang sedang berehat dan mendapat rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) mengucapkan terima kasih kepada Pak Lah kerana sudi melapangkan masa untuk mengunjunginya sehari selepas dimasukkan ke hospital.

Difahamkan Pak Lah pada pagi hari tersebut telah menghadiri satu majlis perancangan Kursi Profesor Diraja Ungku Aziz dan Pusat Kajian Kemiskinan dan Pembangunan Universiti Malaya. Selepas itu beliau berkejar pula ke Bangunan Parlimen untuk menghadiri sidang Parlimen. Kemudian beliau terus bergegas ke IJN untuk mengunjungi Tun Dr. Mahathir.

Malangnya Pak Lah tidak dapat bertemu dengan Dr. Mahathir kerana beliau sedang tidur setelah diberi ubat tidur. Apapun Pak Lah sempat bercakap dengan anak Dr. Mahathir, Dato' Mokhzani sambil memberi arahan kepada doktor-doktor yang merawat Dr. Mahathir supaya diberikan apa juga keperluan untuk bekas bosnya itu.

Sementara itu, Dr. Mahathir kini sudah dipindahkan dari wad CCU ke wad lain dan kelihatan sihat dan ceria apabila membuat kenyataan kepada pihak BERNAMA, TV1 dan **ERA BARU**.

Dr. Mahathir juga mengucapkan terima kasih dan

Era Baru - 17/11/2006

BERTAMBAH SIHAT... Tun Dr Mahathir Mohamad ditemani isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali ketika membuat kenyataan kepada media

penghargaan kepada semua yang telah mendoakan dan mengerjakan sembah yang hajat agar beliau cepat sembuh dan kesihatannya kembali seperti biasa.

Daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai, Pak Lah melahirkan penghargaan dan banyak terhutang budi kepada Dr. Mahathir sejak beliau berada di bawah kepimpinan Dr. Mahathir sehingga diserahkan jawatan Perdana Menteri kepadanya.

Kasih sayang beliau terhadap Tun sememangnya wujud sejak dari dulu lagi tetapi mengikut sumber tersebut Pak Lah tidak pandai untuk meluahkan perasaan beliau.

Sementara itu pula bagi pihak Dr. Mahathir, beliau sememangnya mempunyai kepercayaan dan keyakinan penuh terhadap Pak Lah untuk menerajui Kerajaan dan Parti. Sebab itulah beliau menolak dan melepaskan semua jawatan dalam Kerajaan dan Parti.

Walau bagaimanapun, sebagai seorang pemimpin

yang sudah menerajui Kerajaan dan Parti selama 22 tahun dan telah melalui pelbagai rintangan dan cabaran serta tohmahan, beliau tidak mahu melihat apa yang pernah berlaku kepada beliau, berlaku kepada Pak Lah.

Di atas kebimbangan dan kesedaran inilah, maka beliau tidak ragu-ragu memberi nasihat dan teguran agar negara terus dihormati, diyakini dan rakyatnya dapat hidup selesa, bahagia dan nasib serta kedudukan orang-orang Melayu terus kukuh dan terbelak.